Koleksi Baru Pustaka Indonesia 2

Disertakan oleh Pengendali Laman
Saturday, 25 August 2007

Bersambung
kita dengan ulasan beberapa lagi buah buku terbaru di Pustaka Indonesia. Kali ini saya mengulas ringkas beberapa buku yang ada kaitannya dengan bulan Ramadhan ini.

[7] Hadis-hadis Palsu Seputar Ramadhan.

Pengarang: Prof. Dr. Ali Mustafa Yaqub.

Penerbit: Pustaka Firdaus, Jakarta 2003

Bentuk buku: Saiz sederhana, 154ms, RM14.80

Tokoh
hadis terkini Indonesia kembali dengan sebuah lagi bukunya yang menarik berkaitan ilmu hadis, kali ini membahas beberapa hadis yang masyhur berkenaan bulan Ramadhan tetapi memiliki darjat sanad yang sangat lemah atau palsu. Termasuk yang menarik ialah perbahasan beliau ke atas pendapat Syaikh al-Albani yang menghadkan Solat Terawih kepada 8+3 rakaat. Dr. Ali Mustafa berpegang kepada pendapat bahawa Solat Terawih tidak memiliki had rakaat yang minima atau maksima (sebagaimana Ibn Taimiyyah).

[8] Adab & Keutamaan Menuju Masjid dan Di Masjid (edisi terjemahan).

Pengarang: Syaikh Said bin Ali bin Wahf al-Qathani

Penerbit: Irsyad Baitus Salam, Bandung 2003

Bentuk buku: Saiz poket, 248ms, RM9.80

Alhamdulillah
sempena Ramadhan ini ramai yang mengunjingi masjid menunaikan solat secara berjemaah. Akan tetapi perlu diketahui bahawa terdapat beberapa adab dalam mengunjungi masjid dan mendirikan solat secara berjamaah. Buku kecil ini sangat bermanfaat untuk membantu kita dalam hal ini. Semoga kerajinan kita ke masjid berterusan sekalipun di luar bulan Ramadhan.

[9] Bahaya Lidah: Penyakit Lisan & Terapinya (edisi terjemahan).

Pengarang: Syaikh Said bin Ali bin Wahf al-Qathani

Penerbit: Media Hidayah, Jogjakarta 2003

Bentuk buku: Saiz sederhana, 160ms, RM11.80

Antara akhlak mulia yang kita disiplinkan diri kita dalam bulan yang mulia ini ialah menjaga percakapan

kita,
bukan sahaja daripada perkara buruk tetapi juga yang sia-sia.
Sebenarnya mendisiplinkan percakapan adalah tuntutan Islam yang wujud
secara berterusan, tidak terhad kepada bulan Ramadhan sahaja. Buku ini
adalah sumber motivasi yang baik bagi membantu kita mendisiplinkan
percakapan kita. Ia memuatkan ayat al-Qur’an, hadis-hadis yang sahih
serta nasihat para ilmuan dalam bab percakapan.

[10] Hukum-hukum Wanita Hamil (edisi terjemahan).

Pengarang: Syaikh Yahya Abdurrahman al-Khatib (tesis PHD)

Penerbit: al-Izzah, Jakarta 2003

Bentuk buku: Saiz besar, 207ms, RM22.50

Tidak dinafikan bahawa wanita yang hamil memiliki banyak keistimewaan dari sudut hukum fiqh. Tidak

ketinggalan
ialah hukum berkaitan puasa dan menyusukan anak. Buku ini membahas
secara ilmiah lagi lengkap segala persoalan yang berkaitan dengan
wanita dan kehamilan.

Ia
juga mempraktikkan konsep fiqh muqaran (perbandingan mazhab) yang tidak
mengenal dinding pemisah antara mazhab-mazhab. Maka secara tidak
langsung buku ini akan membuka lembaran baru kepada si ibu dan bapa –
menyambut anak yang baru dengan konsep fiqh Islam yang juga baru.

Insya-Allah bersambung, wassalam.